

Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Tahfiz Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21

Fariah binti Mohd Noor@Jamil
Shahirah binti Mohktar
Nurul Syahirah binti Mohd Napis
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman
Jitra, Kedah
fariah@ipda.edu.my

Abstrak

Pengetahuan mendalam dan penguasaan kemahiran mengaplikasi kemahiran berfikir merupakan aspek penting dalam menentukan keberkesanan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc). Pendekatan ijtihadik yang digunakan dalam pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi secara kreatif dan inovatif. Oleh yang demikian, kajian terhadap penguasaan guru-guru tahfiz ke atas KBAT perlu dilaksanakan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru-guru Tahfiz TMUA terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Abad 21 melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kajian tinjauan ini telah dijalankan terhadap guru-guru Tahfiz di Sekolah Menengah Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Perak, Kedah dan Perlis. Seramai 105 orang responden guru tahfiz terlibat dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian Statistical Package for Science Sosial (SPSS) versi 22 yang melibatkan skor min, sisihan piawai, peratusan dan frekuensi. Analisis keseluruhan dapatan menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan terhadap guru Tahfiz TMUA adalah pada aras tinggi. Manakala tahap penguasaan guru bagi aspek kemahiran juga pada tahap yang tinggi. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, pengkaji dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai semula dan terus menyediakan pelbagai rancangan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran guru-guru, khususnya guru Tahfiz TMUA dalam usaha untuk meningkatkan kejayaan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Al-Quran dan Pendidikan Islam bagi memenuhi keperluan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21, seterusnya dapat membantu meningkatkan kualiti guru dalam melaksanakan sesuatu kemahiran yang baru untuk diterapkan dalam PdP.

Kata kunci: Tahap penguasaan guru, pengetahuan, pelaksanaan kemahiran, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), PdP Abad 21

1.0 PENGENALAN

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu; Pendekatan Quranik, Pendekatan Ensiklopedik dan Pendekatan Ijtihadik. Pendekatan Quranik merupakan kaedah yang membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah. Pendekatan Ensiklopedik menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya. Manakala Pendekatan Ijtihadik ialah kaedah yang menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi secara kreatif dan inovatif.

Pelaksanaan TMUA adalah secara menyeluruh kepada murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang terpilih untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan tahfiz yang mengamalkan ajaran Islam (mutadayyin) dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Objektif utama pelaksanaan TMUA ialah melahirkan modal insan yang huffaz, profesional dan mempunyai asas agama yang mantap, berketrampilan, berwibawa, berkepemimpinan, keupayaan berfikir aras tinggi yang maksimum, kreatif, inovatif dan mempunyai sahsiah tinggi dalam hubungan dengan pencipta, sesama manusia, juga makhluk lain berdasarkan kepada al-Quran dan al-sunnah.

Guru merupakan tunjang utama dalam merealisasikan hasrat murni keberhasilan TMUA. Guru juga menjadi pencetus utama dalam membantu murid ke arah pemikiran kreatif dan kritis. Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015) menyandarkan guru sebagai pembina dan pencorak kepada pembentukan masyarakat yang berfikiran aras tinggi dan memerlukan guru tersebut kompeten menggunakan KBAT. Kemahiran berfikir telah lama diperkenalkan oleh kementerian dalam kurikulum pendidikan menerusi Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dan diperkenalkan secara bertahap di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Usaha ini diperkukuhkan dan diperkasakan dengan memberi penekanan kepada kemahiran menaakul. Kini, kemahiran berfikir telah berkembang pada peringkat yang lebih tinggi iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

KBAT bukan sahaja ditekankan penguanaannya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, namun KBAT juga diaplikasikan dalam semua subjek termasuklah Pendidikan Islam bagi melahirkan individu yang bukan sahaja mampu menghafal, tetapi juga faham dan tahu apa yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap tinggi dengan menguasai kemahiran mengaplikasi, menganalisis, mencipta dan menilai bagi mengaplikasikan al-Quran dan pendidikan Islam dalam urusan kehidupan seharian.

Dari aspek penerapan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) pula, guru memainkan peranan penting sebagai nadi penggerak yang mencetuskan keupayaan dan kemampuan berfikir para murid. Bagaimanapun keberhasilan usaha ini bergantung juga kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakannya. Sepertimana yang dinyatakan oleh Fatimah Osman (2020), tahap penguasaan dalam pengetahuan dan keprihatinan guru perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Hal ini kerana, guru adalah pelaksana KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Talhah Ajmain (2018) pula menegaskan bahawa penguasaan dan kedalaman pengetahuan guru terhadap KBAT akan mempengaruhi amalan pengajaran mereka sendiri.

Pandangan lain pula menyatakan bahawa kecemerlangan dan kejayaan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan terbukti berkesan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan

kaedah tradisional dan tidak mengambil berat aspek kemahiran berfikir murid sedangkan kemahiran berfikir itu merupakan antara aspek utama dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian murid hari ini (Zamri, 2012) dan (Elin Driana & Ernawati, 2019). Dalam hal ini adakah guru benar-benar memahami konsep kemahiran berfikir aras tinggi itu sendiri? Berdasarkan perkara tersebut, kajian ini dijalankan untuk menyelidik tahap penguasaan guru terhadap pengetahuan dan pelaksanaan kemahiran KBAT dalam pengajaran untuk menerapkan KBAT ketika pdpc Pendidikan Islam TMUA.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN DAN KAJIAN LEPAS

Proses perkembangan budaya penggunaan akal ini diaplikasikan kepada proses pendidikan yang merupakan asas utama kepada perkembangan penggunaan akal dan pemikiran yang aras tinggi dalam kalangan pelajar dan ini seiring dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Maka peranan akal dibahaskan di dalam Al-Quran dengan matlamat bagaimana manusia boleh menggunakan akal seiring dengan peredaran pemikiran manusia pada abad ini. Ini boleh diperjelaskan melalui firman Allah S.W.T bermaksud “Apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan (memikirkan) kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi sesudah (datangnya al-Quran) itu mereka akan beriman?” (Al-A’raf, 7: 185). Walaupun tumpuan utama kepada mata pelajaran seperti matematik dan sains, mata pelajaran Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menerapkan elemen pemikiran aras tinggi kerana ianya merupakan saranan yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran. Maka kajian ini melihat pengetahuan dan kemahiran guru sebagai tumpuan utama kajian dengan menekankan aspek penerapan elemen KBAT di dalam kelas.

Selain itu, laporan keluaran Perunding Kestrel Education di England dan 21st Century School di Amerika Syarikat pada 2011 menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah. Kenyataan tersebut sebenarnya wajar dihayati oleh semua terutamanya guru Pendidikan Islam dalam usaha membentuk budaya berfikir kepada setiap murid. Hal ini selari dengan pandangan (Yahya Othman, 2014) yang menjelaskan penguasaan dan amalan terhadap kemahiran berfikir menjadi sangat penting bagi membentuk dan membina murid yang mampu bersaing di pentas global yang kian mencabar. Justeru, teknik penyoalan sebenarnya telah lama tergolong daripada proses pdpc sehinggakan teknik ini menjadi nadi dan paling diminati dalam sesuatu pengajaran (Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad, 2018). Melalui penyoalan, murid dapat berfikir dan memproses maklumat yang dikehendaki sesuai dengan soalan kemudian jawapan dapat dikeluarkan oleh murid berdasarkan pengetahuan dan sudut pandang mereka. Secara tidak langsung, kaedah ini menggalakkan murid berfikir dan dengan ini, guru dapat menilai tahap kemahiran berfikir murid melalui kesahan jawapan yang diberi.

Seterusnya, persoalan timbul apabila Laporan Penaziran Penuh di Sekolah Menengah Pedalaman X oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Sabah (JNJKS) pada tahun 2016 yang menyatakan pembelajaran dan pemudahcara (pdpc) Pendidikan Islam sekolah pedalaman tersebut berada pada tahap “harapan”. Guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di sekolah itu turut dilaporkan kurang menggunakan alat berfikir dan bahan bantu mengajar (BBM) semasa pdpc bagi membantu murid berfikir serta menguasai tajuk yang diajar dengan lebih praktikal. Sedangkan, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) menyarankan strategi untuk menggalakkan murid berfikir adalah dengan menggunakan alat berfikir yang sesuai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a).

Kajian Kamarul Azmi Jasmi et al., (2010) mendapati guru pendidikan Islam menyampaikan pengajaran menggunakan 80% kaedah kuliah dan syarahan dalam sesuatu masa

yang diperuntukkan. Ini menyebabkan wujudnya elemen kebosanan, tiada kefahaman, tidak dapat mengaitkan dengan situasi semasa, mengantuk dan hilang tumpuan dalam kalangan murid. Ini dibuktikan berdasarkan kajian mengenai proses pdpc tersebut dijalankan kepada murid-murid sekolah rendah. Hal ini kerana, pembentukan elemen-elemen imaginasi, animasi, fantasi dan muzikal adalah antara pendekatan yang paling sesuai dalam proses pdpc yang berkesan bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 7 hingga 12 tahun (Siti Marlina Sabran, 2013). Akibatnya, generasi muda yang dibentuk mungkin bijaksana dan tinggi tahap perkembangan akademik tetapi hakikatnya mereka tidak mampu menterjemahkan kefahaman yang diperolehi dalam bentuk pengaplikasian dan penghayatan dalam kehidupan sebenar. Maka, KBAT perlu diterapkan dan dipraktikkan dalam pdpc Pendidikan Islam seiring dengan penerapannya bagi mata pelajaran yang lain.

Di samping itu, pengajaran guru Pendidikan Islam seharusnya memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan keupayaan kesediaan guru dari aspek pembangunan intelek bagi memahami, memerhati, mengkaji dan menyelesaikan masalah (Noraini Omar, 2015). Faktor kesediaan adalah usaha untuk memperkembangkan KBAT yang merupakan suatu elemen penting dan perlu ada bagi seseorang guru. Ketiadaan faktor kesediaan dalam kalangan guru dilihat mampu menyebabkan KBAT tidak dapat dilaksanakan semasa proses pdpc walaupun guru tersebut mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan KBAT. Tambahan pula, kenyataan ini bersandarkan beberapa kajian yang menunjukkan situasi guru Pendidikan Islam tidak bersedia untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran yang dilaksanakan disebabkan kurangnya pengetahuan dan pendedahan berkaitan KBAT ketika berada di institut pengurusan atau di universiti awam yang lain. Demikian, faktor yang mendorong ketidaksediaan ini adalah berasaskan kepada kekurangan pengetahuan mengenai bagaimana elemen KBAT ini dapat diaplikasikan di dalam PdP. Rantaian daripada kekurangan pengetahuan dan ketidaksediaan ini menyebabkan pengajaran guru didapati kurang menggarap, menghayati dan mengamalkan konsep kemahiran berfikir untuk disampaikan kepada pelajar (Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017).


Berdasarkan kajian-kajian di atas, maka jelaslah bahawa terdapat percanggahan tentang kesediaan guru dalam aspek ilmu dan kemahiran yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun demikian, pelaksanaan pengajaran KBAT dalam subjek Pendidikan Islam di seluruh negara telah berlangsung semenjak 2013 lagi. Transformasi ini telah menimbulkan banyak persoalan tentang kesan pelaksanaannya di peringkat sekolah. Sekalipun ada kajian yang mengatakan penerapan KBAT positif, namun masih boleh dipersoal keberkesannya dalam subjek pendidikan Islam. Adakah ianya mempunyai perkaitan dengan penguasaan KBAT seseorang guru? Kenapa masih kurang kajian KBAT ke atas guru di peringkat sekolah menengah? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penguasaan KBAT dalam kalangan guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudharaan (PdPc) di Sekolah Menengah khususnya sekolah TMUA.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengkaji sejauhmana tahap penguasaan pengetahuan KBAT dalam kalangan Guru Tahfiz TMUA dan juga tahap kemahiran mereka dalam menerapkan KBAT dalam pdpc Pendidikan Islam secara menyeluruh dan dalam pendidikan al-Quran khususnya.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif. Kajian ini juga menggunakan sumber kepustakaan yang berkoleborasi dengan kajian lapangan. Soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik digunakan sebagai instrumen utama bagi menjawab persoalan kajian. Othman Lebar (2009) menyatakan, kajian kuantitatif merupakan kajian berbentuk deduktif yang dilakukan oleh seseorang pengkaji untuk memahami sesuatu fenomena. Selain soal selidik, kajian juga menggunakan kaedah pemerhatian terhadap sampel kajian dan kaedah analisis dokumen dilaksanakan bagi menyokong data kuantitatif. Data ini dianalisis dengan melihat pengetahuan dan kefahaman guru tahfiz terhadap KBAT. Seterusnya soal selidik juga melihat tahap penguasaan kemahiran penerapan KBAT dalam kalangan guru tahfiz dalam menggunakan kaedah KBAT dalam PdPnya. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada sekolah-sekolah yang terpilih yang melaksanakan TMUA terdiri daripada 105 orang guru tahfiz dari SMKA TMUA dari Perlis, Kedah dan Perak.



Aspek	Jumlah	Hasil Tahap Pengetahuan, pemahaman dan penguasaan kemahiran KBAT dalam pdpc	Tahap
Pengetahuan	10	4.04	Tinggi
Pemahaman	5	0.579	Tinggi
Kemahiran	10	0.001	Tinggi
Kesediaan	5	0.008	Tinggi

Rajah 1: Metodologi

Secara keseluruhan indeks kebolehppercayaan yang diperolehi adalah tinggi bagi kajian ini. Indeks kebolehppercayaan kajian ini dianggap memuaskan dan diterima menurut pendapat Hair et al.(1998) dan Mohd Majid (2009).

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Pemahaman guru Tahfiz terhadap Penerapan KBAT dalam PdPc

Hasil dari dapatan yang diterima menunjukkan penguasaan KBAT dalam kalangan guru tahfiz berada pada aras yang tinggi. Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhannya menunjukkan guru-guru tahfiz TMUA menerapkan KBAT dari segi pengetahuan dan pemahaman berada pada tahap tinggi dengan skor seperti yang dipaparkan pada jadual tersebut.

Kajian ini menunjukkan gambaran yang jelas, sejauh mana tahap penguasaan pengetahuan guru-guru tahfiz SMKA TMUA di zon utara iaitu Perlis, Kedah dan Perak terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pdpc mereka. Berdasarkan dapatan kajian ini mendapati, penguasaan pengetahuan dan pemahaman terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) oleh guru-guru tahfiz kedua-duanya adalah berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru tahfiz mempunyai pengetahuan di tahap tinggi terhadap aplikasi Taksonomi Bloom semakan Andersom dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam amnya serta Pendidikan al-Quran khususnya. Ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Rosnani (2006) dan Rosnainani (2003) yang menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap penerapan kemahiran berfikir turut berada di tahap tinggi.

Sementara itu, Mohamad Zaid Mustafa et al. (2012) menjelaskan bahawa kajian berkaitan KBAT dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan elemen KBAT oleh guru Pendidikan Islam dalam pdp serta melihat isu dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam menyuntik elemen KBAT menerusi sesi pdp. Ahmad Munawar (2009) dalam Mohamad Zaid Mustafa et al. (2012) pula mendapati guru-guru Pendidikan Islam lebih cenderung menggunakan kaedah kuliah dalam proses pdp khususnya dalam bidang akidah. Sewajarnya pelajar lebih didedahkan dengan persoalan akidah daripada perspektif pemikiran rasional yang diperkukuhkan dengan ilmu saintifik moden.

Selain itu, Abdul Halim Abdullah (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa KBAT merupakan elemen yang memfokuskan penyertaan murid secara holistik dalam pembelajaran yang menyediakan peluang bagi guru mempelajari pelbagai strategi pedagogi dan guru diberi budi bicara untuk mengurus pembelajaran berdasarkan strategi yang diinginkan. Hal ini perlu menjadi keutamaan kepada guru untuk memilih gaya pengajaran yang dikehendaki tanpa berasa bahawa peranan mereka sebagai penyampai diambil alih oleh aktiviti yang dilaksanakan oleh murid. Secara tidak langsung langkah ini membantu guru mengaplikasikan KBAT bersama-sama murid dalam proses pdpc. Namun begitu, pedagogi yang digunakan oleh guru di bilik darjah pada masa ini masih berpegang kepada sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan dan berusaha menyediakan murid untuk menjawab soalan peperiksaan sahaja walaupun KPM telah menjadikan pedagogi sebagai elemen teras dalam pelaksanaan KBAT.

5.2 Tahap Penguasaan Kemahiran dan Kesianaan Guru Tahfiz terhadap Penerapan KBAT dalam PdPc

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kesediaan kemahiran guru tahfiz terhadap penerapan KBAT berada pada tahap tinggi. Keseluruhannya, guru-guru tahfiz telah

mempraktikkan kemahiran, strategi, unsur-unsur dan elemen-elemen KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam dan al-Quran dengan baik. Hasil kajian ini dilihat hampir serupa dengan kajian McNeil dan Malkeet Singh (2002), di mana mereka telah mencadangkan strategi yang boleh diaplikasikan oleh guru sewaktu memperkenalkan KBAT kepada murid-murid iaitu penguasaan seorang guru yang baik dalam teknik soal jawab akan membantu murid-murid untuk menjadi seorang pemikir yang baik dan berjaya.

Berdasarkan dapatan kajian, didapati tahap kesediaan dan kemahiran guru Tahfiz terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran adalah pada tahap tinggi sama seperti kajian oleh Sukiman et al. (2012). Namun, berbeza kajian yang dijalankan Tarmizi (2016), iaitu perlulah di tingkatkan lagi tahap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap KBAT dalam aspek kesediaan pelaksanaan kemahiran pengajaran KBAT. Selari dengan pandangan Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015) bahawa, kesediaan guru dalam aspek pelaksanaan dan pengetahuan KBAT masih belum mencukupi, kerana guru pendidikan Islam masih mengalami kesukaran dalam hendak membina soalan beraras tinggi dalam bilik darjah. Pandangan oleh Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015) ini berdasarkan kajian yang telah dijalankan ke atas guru sekolah Menengah amnya.

6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Berikut adalah implikasi kajian yang dikenal pasti dan usaha yang boleh diambil antaranya pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum Sekolah perlulah meneliti dan menilai semula keperluan asas untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam amnya dan Pendidikan al-Quran khasnya dengan cara meneliti bagaimana elemen-elemen seperti kemahiran mengingat, memahami, mengaplikasi, membanding, menganalisis dan menilai dapat diterapkan dalam pengajaran berdasarkan matlamat dan kandungan pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan al-Quran, keupayaan guru, kepelbagaian murid, prasarana sekolah dan bahan-bahan sokongan.

Selain itu, guru tahfiz dan Pendidikan Islam perlulah dilengkapi dengan kemahiran bagaimana KBAT dapat diterapkan secara berkesan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran. Kesediaan dalam melaksanakan kemahiran dari awal mampu memberikan penyediaan yang betul dan dapat memberi peluang kepada murid menggunakan kemahiran-kemahiran berfikir mereka untuk menyelesaikan masalah (Omardin 1999; Halimah 2009; Zamri & Nor Razah 2011).

Pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlulah mengadakan lebih banyak bengkel, latihan, seminar ataupun konvensyen bagi mendedahkan guru-guru kepada pelbagai teknik penerapan nilai berkaitan KBAT di samping membuat pemantauan berkala mengenai pelaksanaan KBAT di dalam bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah.

Masalah-masalah berkenaan KBAT perlulah diselidiki dan diperhalusi sehingga ke akar umbi. Apabila masalah yang menghalang penerapan KBAT di dalam bilik darjah diketahui, maka proses penerapan KBAT di dalam bilik darjah akan menjadi lebih mudah dan peratusan pencapaian proses penerapan KBAT akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Guru juga memainkan peranan penting sebagai intipati dan penggerak utama disebalik penerapan KBAT di sekolah-sekolah. Guru-guru perlu ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk menerapkan nilai KBAT kepada murid-murid. Jika kaedah pengajaran yang dijalankan adalah pasif dan tidak menggalakkan proses penerapan KBAT, maka segala usaha KPM, JPN dan PPD tidak akan mencapai maksud yang diinginkan oleh semua pihak. Justeru

itu, matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid - murid yang kreatif, inovatif dan berdaya saing akan kesempaan tetapi perlu mengambil masa yang lama.

7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan guru tahfiz menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi dan bersifat positif. Hal ini dapat dilihat daripada tahap penguasaan mereka yang baik dalam KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Diharapkan maklumat daripada kajian ini dapat memberikan gambaran awal mengenai tahap penguasaan pengetahuan, dan kemahiran guru khususnya guru tahfiz di sekolah menengah agama terhadap penerapan kemahiran berfikir (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan Pendidikan Islam.

KBAT akan terus diberi penekanan oleh KPM dalam sukatan pelajaran setiap mata pelajaran bagi melahirkan pelajar yang dapat berdikari dan berdaya saing diperingkat global. Sebagai seorang guru khususnya guru tahfiz dan pendidikan Islam perlulah menguasai segala aspek berkenaan KBAT bagi mengaplikasikannya dalam setiap PdPc. Kejelasan pengetahuan, penguasaan kefahaman dan kesediaan dan berkemahiran dalam mengajar adalah pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan elemen KBAT dalam pengajaran guru tahfiz dan pendidikan Islam. Oleh itu, guru-guru perlulah diberikan latihan dan pendedahan kursus KBAT yang mencukupi bagi membolehkan mereka menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

8.0 RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep “mualim”. *Journal Islamic and Arabic Education*, 2(1) 43-56.
- Ab. Halim & Kahirul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1) 43 – 56.
- Abdul Jamir Md Saad, Ab Halim Tamuri Dan A'dawiyah Ismail. (2012). Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. Retrieved From www.Ipislam.Edu.My/Index.Phd/Research/Tag/PKPI2012
- Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak & Ahmad Yunus Kasim. (2015). Kompetensi Guru Muslim Berasaskan Kemahiran Abad 21. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13-29.
- Aderi Che Noh, Noraini Omar & Hanani Hussin. (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran & Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aflaha Aziz & Aderi Che Noh. (2016). Pendekatan Pengajaran Al-Ghazali Dalam Pendidikan Islam. *Seminar Wacana Pendidikan Islam*.
- Ainol Madziah. (2015). Aspek Penilaian Dan Pentaksiran Bagi Kbat & Kemahiran Insaniah. Seminar, Muzakarah Pakar: Pembentangan Kajian Keberkesanan Pendidikan Islam. IKIM
- Amir Khan, Aderi Che Noh & Tarmimi Hussein. (2016). Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Prosiding, Wacana pendidikan Islam siri ke-11*.
- Hanani Hussin, Aderi Che Noh, & Ab. Halim Tamuri. (2014). The Religious Practices Teaching Pedagogy of Islamic Education Excellent Teachers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(16), 239–246. Retrieved June 12, 2015, from <http://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n16p239>.
- Munirah Othman, Syawal Aamran & Saemah Rahman. (2015). Kebimbangan dan Efikasi Kendiri Pelajar dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke 5 (SKEPEN2015)*
- Nooriza Kassim & Effandi Zakaria. (2015). Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik: Analisis keperluan guru. *Prosiding Seminar Education Graduate Regional Conference (EGRC 2015)*. ISBN 9786021313800.
- Nor rashidah Abd Hadi & Khadijah Abdul Razak. (2016). Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Dalam Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Masalah. *Prosiding, Wacana pendidikan Islam siri ke-11*.
- Norafidah Noralidin Jabayan & Juliana Osong (2015). Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). *Proceeding, 6th Pedagogy International Seminar*. 6(1): 1-412.
- Norafifah Hamid, Norajila, Azlina Wahab & Rawi Nordin. (2016). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Analisis Dari Perspektif Al Quran. *Prosiding, Wacana pendidikan Islam siri ke-11*.
- Norasmahani Nor, Sofiah Suhaimi, Syamira Abdul Wahab, Khushairi Che Ismail, Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu tinjauan di Putrajaya, *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7, 2015 hlm 361- 375.

- Normah. (2014). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Prosiding, Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-10.
- Norsham Ghani. (2014). Tahap pengetahuan dan sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap amalan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. UKM
- Osman, S. F., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Wan Embong, W. H. (2020). Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 130-140.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila dan Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan Kualiti Guru dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research JoMOR 2019*, 1(4), 1-23.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Uzi Dollah. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 18-36.
- Syaubari Othman. (2018). Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah di Malaysia. Tesis Kedoktoran. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tajularipin Sulaiman, Vickneswary Muniyan, Diwiyah Madhvan, Raidah Hasan & Suzieleez Syrene Abdul Rahim. (2017). Implementation of Higher Order Thinking Skills in Teaching of Science: A Case Study in Malaysia. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1(1).
- Tengku Nor Husna, Hasanah, Khazri. (2019). Strategi Guru Pendidikan Islam Sebagai Pendakwah dalam Melahirkan Pelajar Berfikir Aras Tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 97-107.